



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN TUGU PERINGATAN JALAN RAYA TIMUR-BARAT (JRTB), GRIK, PERAK – JELI, KELANTAN

Pembinaan projek Jalan Raya Timur Barat (JRTB) yang telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui pekerja yang terdiri dari semua lapisan jawatan merupakan satu pendedahan secara 'hands on' terhadap kaedah kerja yang sebenar. Kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terdiri dari pelbagai jawatan telah berkorban tenaga dan perit getir sepanjang pembinaan jalan raya ini dilaksanakan walaupun ia berisiko tinggi keatas keselamatan mereka.

Panjang Jalan Raya Timur Barat (JRTB) adalah 123 KM dan telah dibina dengan kos RM 205 juta. Ia merupakan salah satu laluan utama yang menghubungkan kawasan Barat dengan kawasan Timur Semenanjung Malaysia (Negeri Perak dan Kelantan). Pembinaannya bermula dari tahun 1967 sehinggalah dibuka kepada umum pada 1 Julai 1982. Salah satu skop yang terlibat ialah pembinaan jambatan merentasi Tasik Banding yang menggunakan teknologi yang terkini pada ketika itu.

Bagi menghargai jasa dan bakti Kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terlibat dalam pembinaan projek Jalan Raya Timur Barat (JRTB) (Grik, Perak – Jeli, Kelantan) ini satu Tugu Peringatan didirikan.

Tugu ini juga dibina kembali di tapak asal peristiwa tragedi 63 buah jentera Jabatan Kerja Raya diletupkan pada 23 Mei 1974 dan serangan hendap oleh pihak komunis terhadap pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) dan anggota Pegawai Keselamatan. Dalam satu lagi peristiwa serangan hendap pada 27 Ogos 1974, seramai 3 orang kakitangan JKR telah terkorban.

Tugu Peringatan Asalnya telah dibina pada tahun 1994 di tempat asal berlaku serangan hendap tersebut (Lokasi sekarang) dan kini ia telah dinaiktaraf dengan infrastruktur yang lebih baik pada awal tahun 2015 dengan Kos RM 395,000.00.

JAMBATAN BATU 6, GERIK, PERAK LONGEST SINGLE SPAN BRIDGE CONSTRUCTED USING ULTRA HIGH PERFORMANCE CONCRETE (MALAYSIA BOOK OF RECORDS)

Jambatan ini dinobatkan sebagai jambatan konkrit satu rentang yang terpanjang di Malaysia menggunakan 'Ultra High Performance Concrete' (UHPC) oleh 'The Malaysia Book Of Records'. Ia dibina dengan panjang 100 meter dan lebar 5 meter menyeberangi Sungai Perak. Ia merupakan projek di bawah peruntukkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | pro@kk.gov.my

Kaedah pembinaan ini sesuai dibina di lokasi-lokasi yang strategik kerana tidak memerlukan tiang di dalam sungai sekaligus mampu mengurangkan risiko pelanggaran sampah sarap seperti kayu balak terutamanya semasa banjir besar.

Di samping itu, berat jambatan konkrit UHPC telah berkurangan 50% berbanding menggunakan kaedah konvensional yang ada sekarang yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan kos sebenar projek.




Pembinaan jambatan ini merupakan langkah proaktif Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dalam usaha untuk mencetuskan inovasi dan kreativiti dalam pembinaan yang berteraskan teknologi terkini dan mesra alam.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 JULAI 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my